

1975

KUALA LUMPUR, 8 APRIL (BERNAMA) -- DEWAN RAKYAT MALAM INI MENOLAK USUL DAP SUPAYA PERBAHASAN BAGI RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI, DITANGGUHKAN SELAMA ENAM BULAN.

USUL ITU TELAH DIBAWA OLEH PEMIMPIN DAP, ENCIK LIM KIT SIANG SEBAIK SAHAJA. RANG UNDANG-UNDANG ITU DIREKOMENDAKAN OLEH DR. MAHATHIR MOHAMAD UNTUK PERBAHASAN.

SEBAIK SAHAJA DEWAN MENOLAK USUL TERSEBUT SELURUH ANGGOTA DARI DAP KELUAR SEBAGAI MEMBANTAH KEPUTUSAN TERSEBUT.

SEMASA MENGEMUKAKAN USUL TERSEBUT, ENCIK LIM MENEGASKAN BAHAWA RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT MEMPUNYAI IMPLIKASI YANG LUAS DAN MENJEJASKAN KEDUDUKAN PELAJAR, PENSYARAH DAN KAKITANGAN AKEDAMIK UNIVERSITI SELURUHNYA.

SEMUA PIHAK PERLU DIBERIKAN MASA YANG LEBIH PANJANG UNTUK MENKKAJI DAN MENELITI RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT KERANA IA BUKAN SAHAJA MELIBATKAN MASA DEPAN UNIVERSITI MALAHAN NEGARA SELURUHNYA. 109

ENCIK LIM MENDAKWA LANGKAH KERAJAAN MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG +SECARA TERGESA-GESA+ ADALAH TIDAK BERDEMOKRATIK KERANA TIDAK BERUNDING DAHULU DENGAN SEMUA PIHAK BERKENAAN TERMASUK MAJLIS PEGUAM DAN PIHAK PELAJAR SERTA KAKITANGAN UNIVERSITI SENDIRI.

SEMASA MENYOKONG USUL TERSEBUT, ENCIK FAN YEW TENG (DAP-MENGELEMBU) MENGANGGAP LANGKAH KERAJAAN MEMPERKENALKAN RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT SEBAGAI TIDAK MENGHURMATI DAN TIDAK MEMPERCAYAI ORANG-ORANG BERPENGETAHUAN. -- BERSAMBUNG 2030/SZ

SEMASA MENJAWAB, MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT PERLU DILULUSKAN SEBELUM PELAJAR-PELAJAR BARU MEMASUKI UNIVERSITI BULAN DEPAN.

INI PENTING SEKALI MEMANDANGKAN TERDAPATNYA URA-URA BAHAWA ADA GOLONGAN PELAJAR YANG AKAN MENGHALANG PELAJAR-PELAJAR BARU ITU DARI MENERUSKAN PELAJARAN MEREKA.

DENGAN LULUSNYA RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN ITU, RANCANGAN TERSEBUT DAPAT DIPATAHKAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN SENTIASA MENGAMALKAN DEMOKRASI DAN MEMBERI MASA SECUKUPNYA BAGI SELURUH ANGGOTA DEWAN MENKKAJI RANG UNDANG-UNDANG ITU.

+TAK TAHULAH SAYA JIKA PROSES PEMIKIRAN WAKIL MELAKA MENGAMBIL MASA ENAM BULAN,+ KATA BELIAU.

JIKA SETIAP UNDANG-UNDANG PERLU DIRUJUKAN KEPADA SEMUA PIHAK ATAU MENGADAKAN PUNGUTAN SUARA DAN SEBAGAINYA, MAKA IA TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN DAN CEPAT, KATANYA.

+JIKA INI TERPAKSA DILAKUKAN TIDAK ADA FAEDAHNYA DEWAN PARLIMEN INI,+ TAMBAH BELIAU.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN MEMBELANJAKAN LEBIH \$100 JUTA UNTUK UNIVERSITI DAN TIDAK MAHU WANG ITU MEMBAZIR BEGITU SAHAJA. -- BERNAMA